

02 SEP 2003

Agong-Kerjasama/I

AGONG GESA NEGARA-NEGARA DI SELATAN TINGKATKAN KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menggesa negara-negara di Selatan agar meningkatkan kerjasama bagi menghadapi pelbagai cabaran pada abad ke-21.

Seri Paduka bertitah senario politik dan ekonomi global kini ditentukan oleh pelbagai cabaran berkenaan, terutamanya dengan kemunculan unipolarisme dan unilateralisme.

"Oleh itu, perlu bagi negara-negara di Selatan untuk bekerjasama rapat bagi menghadapi cabaran berkenaan," titah Seri Paduka pada jamuan negara bagi meraikan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki di Istana Negara di sini malam ini.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang di-Pertuan Agong bertitah Malaysia dan Afrika Selatan juga sependapat mengenai kebanyakan isu antarabangsa dan pendirian bersama itu membawa banyak manfaat kerana pelaburan sektor swasta terbesar Malaysia di Afrika ialah di Afrika Selatan manakala Malaysia merupakan rakan kongsi perdagangan terbesar Afrika Selatan di benua itu.

"Pertalian sejarah dan kebudayaan yang kukuh di antara rakyat kedua-dua negara yang telah terjalin sejak berabad lamanya, telah menyediakan persekitaran baik bagi pertukaran maklumat dan pengalaman daripada segi pembangunan kedua-dua negara," titah Seri Paduka.

Titah Seri Paduka, Malaysia berbesar hati kerana dapat menyumbang dalam menghulurkan bantuan kepada perjuangan rakyat Afrika Selatan bagi kebebasan dan demokrasi.

Yang di-Pertuan Agong bertitah Malaysia telah menyaksikan perjuangan berani penduduk Afrika Selatan bagi kebebasan dan keadilan yang telah menjadi sumber kebanggaan semua negara demokrasi.

"Kami juga berpendapat bahawa Afrika Selatan merupakan kuasa penting bagi kebebasan dan kestabilan dan kuasa penggerak bagi pembangunan sosio ekonomi di seluruh benua Afrika," titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan kepimpinan Mbeki dalam mentadbir negaranya, meningkatkan sosio ekonomi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara membangun, terutamanya di benua Afrika.

Seri Paduka bertitah Malaysia memandang tinggi kepimpinan Mbeki dalam menghadapi pelbagai cabaran akibat ketidakstabilan politik dan ekonomi, keadaan konflik, kemiskinan dan penyebaran HIV/AIDS.

"Inisiatif anda dalam mewujudkan Perkongisan Baru bagi Pembangunan Afrika (NEPAD) pasti akan menghasilkan kemajuan yang pesat bagi negara-negara Afrika," titah Seri Paduka.

Tuanku Syed Sirajuddin berharap lawatan Mbeki ke negara ini akan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala serta kerjasama ekonomi dan teknikal kedua-dua negara.

"Kerjasama dua hala, terutamanya, dengan termeterainya perjanjian bagi kerjasama ekonomi, teknikal dan kebudayaan serta Memorandum Persefahaman bagi penubuhan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama akan menyediakan lebih banyak peluang kepada rakyat kedua-dua negara menerusi formula yang saling memanfaatkan mereka," titah Seri Paduka.

Sementara itu, Mbeki dalam ucapannya memuji kejayaan Malaysia dalam pembangunan dan kerjasama yang dihulurkannya di peringkat antarabangsa.

Mbeki, berkata Malaysia telah memainkan peranan penting dalam forum

antarabangsa khasnya mengenai pembangunan di negara-negara membangun melalui kerjasama Selatan-selatan.

"Oleh itu Malaysia dan Afrika Selatan dapat menandatangani beberapa perjanjian khasnya dalam kerjasama sosial dan ekonomi," katanya.

Mbeki berkata Afrika Selatan mahu perkukuhkan kerjasama dengan Malaysia and negara-negara Asean yang lain di rantau.

Beliau berkata Malaysia, di bawah kepimpinan Dr Mahathir telah berusaha gigih untuk perkukuhkan kerjasama antara kedua-dua negara dan juga negara-negara membangun yang lain.

-- BERNAMA

AT NER PR